



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

UCAPAN PERASMIAN

**YAB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL
TIMBALAN PERDANA MENTERI
MERANGKAP
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

SEMPENA

**MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN KPWK
BIL. 5/2018**

15 NOVEMBER 2018 (KHAMIS)

**DEWAN PERDANA NUR, ARAS B1 KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

(SALUTASI AKAN DISEDIAKAN)

PENDAHULUAN

1. **ALHAMDULILLAH**, segala pujian dan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat dan kurniaNya, dapat kita bersama-sama pada petang ini dalam Majlis Perhimpunan Bulanan KPWKM Bilangan 5 Tahun 2018.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Deepavali Vathukal kepada warga Kementerian beragama Hindu yang menyambut Hari Deepavali pada 6 November yang lalu.

2. Pertamanya, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada urusetia dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Majlis Perhimpunan kita hari ini dengan tema **Keluargaku Sayang**, bertepatan dengan sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan.

Warga Kementerian yang saya kasihi sekalian,

3. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat datang kepada pegawai-pegawai baharu yang melapor diri di Kementerian serta ucapan terima kasih kepada warga Kementerian yang bersara dan bertukar keluar di atas segala sumbangan dan khidmat bakti yang telah dicurahkan.

Kepada anggota yang baru melapor diri ke KPWKM dan agensi-agensi di bawahnya, semoga anda semua dapat mencurahkan khidmat bakti dengan penuh amanah, telus dan berintegriti dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada kumpulan sasar KPWKM.

4. **Ucapan tahniah juga kepada YBrs. Dr. Hishamuddin Mohd Hashim yang dilantik sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik) pada 1 Oktober 2018.**
5. **Selain itu, saya juga ingin mengumumkan pelantikan YBhg. Datin Paduka Che Asmah Ibrahim sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Kebajikan Negara mulai hari ini.**

Tahniah diucapkan.

MENGARUS PERDANA KELUARGA, MENSEJAHTERA OKU, WARGA EMAS DAN KANAK KANAK

6. **Tahniah dan syabas kepada LPPKN di atas kejayaan mengadakan Sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan dengan tema Keluargaku Sayang yang diadakan di Pusat Keluarga Seremban 2, Negeri Sembilan pada 3 November yang lalu.**

Konsep keluarga bijak siber yang diketengahkan turut mempromosi kempen "**No Gadget Hour**" dan "**Pelukan 10 Saat**" untuk diamalkan di dalam keluarga.

7. Dengan kerjasama dan penglibatan rakan strategik seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, CyberSecurity Malaysia, *United Nations Population Fund (UNFPA) Malaysia*, saya berharap majlis sambutan ini akan diteruskan di peringkat negeri sepanjang bulan November dengan lebih ramai ahli keluarga akan mendapat faedah.
8. **Tahniah juga saya ucapkan kepada pihak JKM di atas penganjuran sambutan Hari Kanak-Kanak, OKU dan Warga Emas pada 5 November 2018 yang lalu bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) yang bertemakan Melestarikan Kesejahteraan Kanak-Kanak, Orang Kurang Upaya dan Warga Emas.**

Saya harap hasil persidangan dan penyerahan resolusi kepada Kementerian akan diberi keutamaan dan dibuat tindakan susulan.

9. Alhamdulillah, dengan penganjuran dua sambutan ini mampu untuk meningkatkan kesedaran dan komitmen pelbagai pihak untuk mengurus perdanakan agenda kekeluargaan dan golongan rentan (*vulnerable*) seperti warga emas, kanak-kanak dan orang kurang upaya agar mereka tidak ketinggalan dalam pembangunan negara.

Warga Kementerian yang saya kasihi sekalian,

10. ***Saya turut mengambil kesempatan ini untuk menyentuh berkaitan kes yang dilaporkan baru-baru ini iaitu kes kematian bayi perempuan berusia sebelas bulan selepas dua hari dilaporkan tenat, dipercayai didera secara fizikal dan seksual oleh suami pengasuh.***

Dan kes penderaan dan cabul terhadap 29 kanak-kanak di Pusat Jagaan Anak Yatim di Temerloh.

Saya menyeru agar kita semua, ahli keluarga, ibu bapa, untuk memberi lebih perhatian kepada anak-anak.

Hantarlah anak-anak anda ke pusat jagaan atau pengasuh yang berdaftar, yang mempunyai penjaga yang menjalani kursus asuhan kanak-kanak yang diiktiraf.

Luangkanlah masa anda bersama anak-anak untuk mengambil tahu apa yang berlaku di sekolah, untuk membantu mengesan lebih awal sekiranya terdapat unsur-unsur penderaan, fizikal ataupun seksual.

Periksalah tubuh badan mereka untuk memastikan tiada kesan-kesan kecederaan yang mencurigakan.

Saya amat terkesan dengan kes yang dilaporkan ini, dan saya menyeru sekali lagi, ibu-ibu, bapa-bapa, berilah perhatian yang lebih terhadap anak-anak kita.

BAJET 2018 : MALAYSIA WIBAWA RAKYAT SEJAHTERA

11. Tinggal satu (1) bulan sahaja lagi kita akan sampai ke penghujung tahun 2018.

Tahun ini adalah tahun yang agak mencabar kerana rakyat telah membuat keputusan untuk perubahan dan mahukan Kerajaan yang dipilih melakukan perubahan dan reformasi yang diharapkan.

Alhamdulillah dalam tempoh enam (6) bulan yang lalu, kita telah berjaya melaksana dan menyempurnakan pelbagai tugas dengan jayanya.

Kejayaan ini adalah hasil usaha gigih, sokongan, komitmen dan kerja keras bersama dalam berpasukan. Seperti petikan oleh seorang penyair dari Jepun, "***Individually we are one drop. But together, we are an ocean***".

Namun suka saya ingatkan, masih terdapat banyak ruang untuk kita menambahbaik perkhidmatan yang disediakan kepada golongan sasaran Kementerian.

12. Dalam keterbatasan kemampuan kewangan, demi rakyat, Kerajaan masih mampu menyediakan belanjawan yang boleh saya katakan **paling inklusif, komprehensif dan bertanggungjawab** untuk **memenuhi keperluan segenap lapisan rakyat Malaysia**.

Perkara ini diterjemahkan melalui pembentangan Belanjawan 2019 yang bertemakan "**Malaysia Wibawa, Ekonomi Dinamik, Rakyat Sejahtera**".

13. Alhamdulillah, berkat usaha kita semua, KPWKM telah **diperuntukkan sejumlah RM 2.397 billion untuk tahun 2019 bagi tujuan mengurus dan pembangunan iaitu peningkatan sebanyak 8% berbanding tahun 2018**. Insentif yang diumumkan oleh Kerajaan yang berkaitan langsung dengan Kementerian adalah seperti berikut:

- i. Peruntukan sebanyak **RM45 juta untuk skim caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) i-SURI** bagi golongan suri rumah di bawah program e-kasih;

- ii. Peruntukan sebanyak **RM10 juta bagi menambah 50 Taman Asuhan Kanak-Kanak di bangunan Kerajaan** untuk meringankan bebanan ibu yang bekerja; dan
- iii. Peruntukan sebanyak **RM20 juta bagi meneruskan program saringan percuma pengesanan kanser payudara (Mamogram), program vaksinasi HPV dan ujian saringan Pap Smear .**

14. Tambahan daripada itu, ingin saya kongsi baru-baru ini, Mesyuarat Majlis Raja-raja dan Mesyuarat Ketua Menteri dan Menteri Besar telah mengambil maklum dengan **cadangan menaikkan had umur minimum perkahwinan bagi umat Islam kepada 18 tahun.**

Pihak Kementerian Dalam Negeri juga sedang dalam usaha meminda akta bagi menaikkan had umur perkahwinan bagi orang bukan Islam juga kepada 18 tahun.

Warga Kementerian yang saya kasihi sekalian,

15. Masih banyak yang perlu dilakukan untuk mensejahterakan rakyat dan kumpulan sasar kita.

Kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga (IKK) Malaysia 2016 yang dijalankan oleh LPPKN mendapati tahap kesejahteraan keluarga dalam negara masih berada pada tahap yang sederhana iaitu pada skor 7.33 dari skala maksimum 10.

16. Justeru, sesi libat urus bersama pihak berkepentingan amatlah penting bagi membantu menasihati Kerajaan dalam menentukan pembangunan dan kesejahteraan sosial negara.

Majlis Sosial Negara akan disusun semula untuk bertindak sebagai dasar payung memantau dan menyelaras majlis-majlis sedia ada seperti **Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU), Majlis Kebangsaan Bagi Kanak-Kanak (MKBKK), Majlis Tindakan Wanita Negara (MTWN) dan Majlis Penasihat dan Perundingan Kesejahteraan Keluarga Negara (MPPKN).**

HARAPAN DAN ILTIZAM

Para hadirin dan hadirat sekalian,

17. Saya ingin mengingatkan kepada semua warga KPWKM untuk memberikan perhatian dalam memperkasakan sistem tadbir urus dan integriti perkhidmatan awam.

Merujuk kepada ***Transparency International's (TI) Corruption Perception Index (CPI) 2017***, Malaysia berada di kedudukan **62 daripada 180**, berbanding Singapura di kedudukan 6 dan Brunei 31.

Berdasarkan kedudukan ini, kita hendaklah memperhebatkan lagi usaha-usaha memerangi rasuah supaya dapat menghapuskan persepsi negatif yang boleh mencalarkan imej negara dan perkhidmatan awam.

18. **Membanteras rasuah dan menyuburkan budaya kerja penuh integriti adalah kewajipan kita bersama.**
19. Sempena sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan 2018, saya ingin menyeru sekali lagi kepada semua, marilah sama-sama kita terus komited dalam membina institusi kekeluargaan yang kukuh di Malaysia, bermula dari Kementerian kita sendiri.
20. Saya juga ingin menyarankan supaya kita sentiasa membuat persediaan awal dan kesiapsiagaan dalam menghadapi keadaan cuaca yang tidak menentu, terutamanya buat mereka yang menetap atau mempunyai keluarga di kawasan yang berisiko.

Saya juga menyeru Pegawai dan kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan lain-lain jabatan yang turut terlibat, supaya sentiasa bersiap siaga untuk bertugas menghadapi bencana banjir.

Pihak Kementerian akan sentiasa memberikan sokongan penuh kepada agensi-agensi yang menjalankan tugas menghadapi banjir.

Untuk makluman semua, semalam saya telah mengadakan lawatan ke D11 Bukit Aman untuk melihat sendiri bagaimana PDRM mengendalikan kes-kes penganiayaan, pengabaian, penderaan, keganasan dan eksploitasi terhadap kanak-kanak dan wanita.

Kerjasama erat seperti ini yang melibatkan *cross agencies* patut diteruskan dan ditambahbaik dari masa ke masa.

PENUTUP

21. Akhir kalam, sekali lagi saya ucapkan tahniah dan setinggi penghargaan kepada semua yang terlibat terutamanya kepada pihak LPPKN dalam menjayakan Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bulan November 2018 ini.

Adalah besar harapan saya agar kerjasama begini dapat diteruskan di antara kita semua pada masa mendatang, dalam semangat kekeluargaan demi melaksanakan amanah dan tanggungjawab kita semua.

22. Sebelum mengundur diri, saya ingin memetik mutiara kata daripada Winston Churchill, "***Success is never final. Failure is never fatal. It is courage that counts.***". Semoga Allah memberkati segala usaha kita dan memberikan kejayaan kepada kita semua.

Amin Ya Rabbal 'Alamin

Sekian,

*Wabillahitaufik Walhidayah. Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.*